



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2024/02/25\_07 (HQ)

### TNB MENGORAK INISIATIF ELETRIFIKASI KENDERAAN SYARIKAT UNTUK MASA DEPAN LESTARI

- TNB mempercepatkan armada elektriknya, menasarkankan 1,000 EV menjelang 2030, menguatkan komitmennya terhadap mobiliti mampan
- Peralihan EV TNB menasarkankan pengurangan kos ketara dengan jangkaan penjimatan 35%-86% untuk penyelenggaraan dan 25%-70% untuk kos tenaga
- TNB menekankan peningkatan semula kemahiran, pembangunan infrastruktur, dan kerjasama untuk membentuk ekosistem kenderaan elektrik yang berkembang maju

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)**, syarikat tenaga terkemuka di Malaysia, merintis langkah mantap ke arah masa depan yang mampan dengan komitmen elektrifikasi 30% daripada kenderaan operasinya menjelang tahun 2030 sebagai sebahagian daripada strategi pengurangan karbon secara menyeluruh. Langkah strategik ini selari aspirasi Malaysia neutral karbon menjelang 2050.

Dalam langkah penting komitmen ini, TNB mempercepatkan peralihan kepada kenderaan elektrik (EV) dengan menggunakan 98 unit Baharu merangkumi 78 trak pikap elektrik dan 20 van elektrik. Ini menjadikan jumlah keseluruhan EV dalam armada TNB kepada 127 buah.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Seri Ir. Baharin Din menegaskan, "Usaha ini menekankan komitmen TNB terhadap peralihan tenaga yang pantas dan bertanggungjawab. Kami menasarkankan untuk menggantikan 30% iaitu lebih 1,000 kenderaan kepada EV menjelang 2030. Komitmen besar ini menyumbang secara signifikan kepada sasaran kerajaan mencapai 20% jualan EV menjelang 2030, selaras Dasar Automotif Kebangsaan (NAP) 2020."

Mengintegrasikan secara strategik penukaran armadanya kepada EV melalui proses penggantian jangka hayat guna, TNB menjangkakan kesan positif terhadap iklim dan keuntungan syarikat. "Langkah ini mendorong kami lebih dekat untuk mencapai Sifar Bersih 2050 melalui amalan mampan dalam operasi kami. Ini adalah keutamaan yang jelas kerana kami secara aktif menyumbang untuk membina ekosistem EV yang mantap."

Peralihan kepada kenderaan elektrik oleh TNB diunjurkan menghasilkan pengurangan tahunan sebanyak 2,200 hingga 4,833 tan CO<sub>2</sub>, bersamaan dengan kira-kira 88,000 hingga 193,320 pokok sebagai pengimbang menjelang 2030.

S.A. 2024/02/25\_07 (HQ)

Manfaat ekonomi daripada inisiatif penggunaan EV oleh TNB adalah besar, dengan jangkauan penjimatan kos antara 35% hingga 86% untuk pembaikan dan penyelenggaraan, dan 25% hingga 70% kos tenaga lebih rendah berbanding kenderaan bahan api fosil konvensional. TNB juga menjangkakan pengimbangan tahunan kira-kira 6% hingga 12% dalam perbelanjaan bahan api fosil.

Inisiatif ini akan diberi tumpuan awal di Lembah Klang dan Langkawi, sejajar dengan matlamat kelestarian Kuala Lumpur, Selangor, dan Langkawi, serta menyokong visi masing-masing untuk menjadi negeri dan bandar yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

Menekankan pendekatan holistik kepada Peralihan Tenaga, Baharin menyatakan, "TNB bukan sahaja berdedikasi untuk mempercepatkan penggunaan EV menjelang 2030 tetapi juga memberi tumpuan kepada peningkatan semula kemahiran untuk industri EV, membina infrastruktur pengecasan, menaja kajian berkaitan EV, dan memupuk kerjasama dalam kalangan pemain sektor EV."

Hab Latihan Kenderaan Elektrik (EV) TNB, yang ditubuhkan oleh TNB ILSAS, menawarkan peningkatan semula kemahiran untuk industri EV, memfokuskan kepada pengetahuan asas seperti penyimpanan bateri asas dan teknologi EV. Sesi latihannya diperakui oleh badan antarabangsa.

Untuk mengukuhkan ekosistem EV yang semakin berkembang di Malaysia, TNB merancang untuk memperluas infrastruktur pengecasan EV kepada lebih 500 stesen pengecasan pada tahun 2025 di seluruh negara, sebagai sokongan kepada Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR).

Inisiatif ini bukan sahaja selaras dengan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) tetapi juga menyokong tiga tonggak utama Pelan Peralihan Tenaga TNB: mempercepatkan penyahkarbonan penjaan, membangunkan grid rentas sempadan yang fleksibel, serta memperkasakan tenaga elektrik rentas sektor dan prosumer. TNB menyedari bahawa untuk mencapai kejayaan peralihan bertanggungjawab kepada sistem tenaga mampan dan dinyahkarbonisasi, ia memerlukan kerjasama daripada pelbagai sektor, lantas TNB komited sepenuhnya untuk menyokong pertumbuhan ekosistem EV di Malaysia.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 25 Februari 2024, jam 11:30 pagi**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /  
Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606 / Atikah Aqilah 011-10772731  
atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



Memimpin Pergerakan: Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Seri Ir. Baharin Din, mengambil alih kemudi pikap elektrik TNB, turut disertai oleh Mohammad Anas Ibrahim, Ketua Pengurusan Kenderaan di TNB Global Business Solutions (TGBS), melambangkan usaha bersama menuju masa depan yang lestari dengan mencapai Sifar Bersih 2050.



Barisan Kepimpinan TNB, diketuai oleh Dato' Seri Ir. Baharin Din, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, dengan bangganya bergambar di hadapan armada elektrik baharu, simbol komitmen TNB yang tidak berbelah bahagi untuk eletrifikasi 30% daripada armada operasinya menjelang 2030.